

Headline	Masalah kekurangan tempat letak kereta di Simunjan akan diatasi		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	25 Sep 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	3	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	358 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,322
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,965



Masalah kekurangan tempat letak kereta di Simunjan akan diatasi

SIMUNJAN: Masalah kekurangan tempat letak kereta di Simunjan terutama semasa penganjuran acara besar di kawasan tersebut akan diatasi tidak lama lagi.

Perkara itu ditegaskan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Nancy Shukri semasa melakukan tinjauan terhadap projek Dataran Kejat dan Taman Botani di Padang Bola Sepak Jalan Sabun, Simunjan baru-baru ini.

Ahli Parlimen Batang Sadong itu berkata, apabila siapnya projek itu nanti, ia dapat membantu menyelesaikan

masalah kekurangan tempat letak kereta di Simunjan terutama ketika penganjuran acara besar di kawasan berkenaan.

“Inilah masalah yang sering kita hadapi ketika ada penganjuran acara besar di sini iaitu kekurangan tempat letak kereta.

“Dengan siapnya projek tiga fasa hasil kerjasama Majlis Daerah, Pejabat Daerah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simunjan Awla Dris, isu ini dapat diatasi secara bersama,” katanya ketika ditemui pemberita.

Selain itu, projek di bawah peruntukan Projek Mesra Rakyat (PMR) itu turut menempatkan taman botani yang akan memberi peluang kepada penduduk sekitar menanam tanaman herba.

“Saya pernah membawapihak FRIM untuk meneroka tanaman herba di Gunung Ngeli dan dalam tempoh dua jam sahaja, pihak FRIM telah mengenal pasti sebanyak 70 jenis herba terdapat di gunung tersebut.

“Ini merupakan sesuatu yang unik dan boleh menjadi bahan kajian kepada mereka yang berminat dalam bidang

herba,” jelas Nancy.

Menurut beliau, projek tersebut dijalankan berperingkat dan meliputi kawasan seluas 2,000 meter persegi.

Beliau berharap pembinaan Dataran Kejat dapat disiapkan menjelang Pesta Simunjan yang akan diadakan pada 29 September hingga 1 Oktober ini.

Antara tarikan pada pesta ini ialah aktiviti sukan air seperti perlumbaan pump ski serta Simunjan Kitchen di Padang Sentral Simunjan melibatkan 30 gerai yang menjual juadah tempatan.



TINJAU: Nancy ditemani Awla melawat tapak projek Dataran Kejat dan Taman Botani di Padang Bola Sepak Jalan Sabun, Simunjan.